

15 JUN 1997

Sanusi-Bahasa

BAHASA ASING DIAJAR KEPADA PENDUDUK KAMPUNG DI KEDAH

Oleh: Wan A. Hulaimi

BRUSSELS, 15 Jun (Bernama) -- Penduduk kampung di Kedah akan diberi kemudahan mempelajari satu bahasa asing, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Katanya galakan mempelajari satu bahasa asing selain daripada Bahasa Malaysia seperti bahasa Jerman, Perancis atau Jepun ialah untuk meningkatkan kebolehan masyarakat kampung.

"Setiap kampung yang dipilih itu akan diberi bantuan buku-buku asas untuk belajar bahasa yang dikhususkan untuknya itu dan kerajaan Kedah akan menghantar penilai dari semasa ke semasa," katanya semasa melawat kampung buku di Redu, 130Km dari sini.

Sanusi yang mampu bertutur dalam sekurang-kurangnya lima bahasa termasuk Jerman, berkata beliau mempunyai satu kaedah untuk mempelajari bahasa berasaskan kepada pengalamannya.

Lawatannya ke Redu, sebuah kampung kecil di lembah bandar Libin dekat sempadan Luxembourg, ialah untuk membolehkan beliau memahami konsep kampung buku seperti yang diamalkan di situ.

Redu ialah kampung buku kedua di dunia. Kampung buku pertama ditubuhkan di Hay-on-Wye, Wales, pada 1961.

Sebelum tiba di sini, Sanusi telah melawat bandar buku Bredevoort di Belanda. Di sini, beliau berbincang dengan Timbalan Datuk Bandar Libin, Laurent Jacquet dan pengasas kampung buku Redu, Noel Anselot.

Sanusi berkata bahawa kampung buku di Langkawi akan dirasmikan November ini sebelum pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA).

Kampung buku Langkawi itu ialah yang pertama di Asia Tenggara. Jepun mempunyai dua kampung buku iaitu di Miyagawa dan Kembuchi manakala sebuah sedang dirancang di Ilsan dekat Seoul di Korea Selatan.

"Langkawi merupakan satu daripada lebih daripada 12 kampung buku sekarang. Projek ini akan dapat memperkenalkan Langkawi dan kita akan dapat menarik satu lagi jenis pelancong, iaitu orang yang gila buku kerana terdapat lebih kurang 20 juta daripada mereka ini," kata Sanusi.

Berbeza dengan Redu, Langkawi akan menjadi pusat penjualan bukan sahaja buku terpakai dan buku antik tetapi juga buku baru.

Pada peringkat permulaan, kampung buku di Langkawi akan mengandungi enam rumah berbentuk rumah Melayu yang akan dikendalikan oleh kerajaan Kedah tetapi dipenuhi oleh peniaga swasta.

Pada peringkat jangka panjang pula, pengendalian kampung buku Langkawi itu akan diserahkan kepada pihak swasta.

Selain daripada menarik pembaca dan pembeli buku antarabangsa, penubuhan kampung buku di Langkawi bertujuan menggalakkan budaya membaca di Malaysia.

"Kita hendak buku dibaca bukannya untuk peperiksaan sahaja tetapi juga sebagai hobi," katanya.

Dari sini Sanusi dan rombongannya yang terdiri daripada pegawai pentadbir Kampung Buku Langkawi, penjual buku dan perancang akan berlepas ke Hay-on-Wye sebelum pulang ke Malaysia Khamis ini.

Beliau juga dijangka menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang bercuti di Britain. -- BERNAMA

WAH MAI